

Pusat benarkan sambung semula kerja bina Projek Pergau

HULU LANCAT 23 Julai — Kerajaan Pusat telah membenarkan kerja-kerja pembinaan Empangan Hidro Elektrik Pergau di Kelantan yang dihentikan, disambung semula.

Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau berharap projek \$1.3 bilion itu akan berjaya dan tidak akan ada gangguan lagi.

Projek tersebut telah tergendala apabila Kerajaan Pas Kelantan menghalang jalan-jalan masuknya kerana menuntut pampasan daripada Kerajaan Pusat. Bagaimanapun halangan-halangan itu diturun-

kan ekoran pertemuan antara Pengerusi Tenaga Nasional, Tan Sri Dr. Ani Arope dengan Menteri Besar Kelantan.

Jaminan

Namun begitu, Kabinet mengarahkan supaya kerja-kerja pembinaan dihentikan kecuali kerja penyenggaraan sehingga Kerajaan Kelantan memberi jaminan bertulis ia tidak akan mengganggu lagi projek itu.

Jaminan ini telahpun dimasukkan ke dalam draf perjanjian yang akan ditandatangani antara Kerajaan Kelantan de-

ngan Tenaga Nasional, pemilik projek itu, tidak lama lagi.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Program Kampung Ku dan Kumpulan Pembaca, Pendengar dan Penonton (K3P) Peringkat Negeri Selangor di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu kos projek itu meningkat sebaliknya apa yang diharapkan ialah rakyat akan mendapat faedah daripadanya.

Kata beliau, adalah dijangkakan projek ini akan siap sama ada dalam setahun 1994 atau 1995.